



JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
MALAYSIA

**PERMOHONAN SKIM GERAN
PROGRAM PEMINDAHAN ILMU**
(Knowledge Transfer Programme) - KTP

- INDUSTRI -

**GARIS PANDUAN
2013**

**JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

SILA RUJUK LAMPIRAN UNTUK MAKLUMAT URUSETIA

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)	3
BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)	8
BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN)	9
BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN)	10
BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)	11
GLOSARI	12

BAHAGIAN 1

Permohonan

1.1 FALSAFAH SKIM GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) - INDUSTRI

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) merupakan dokumen yang menterjemahkan hala tuju pengajian tinggi negara yang memberi penekanan kepada pembangunan modal insan dan intelek berkualiti bagi mendukung dan menjayakan aspirasi negara untuk menjadi makmur dan kompetitif.

Oleh yang demikian, bagi menjana pembangunan modal insan dan intelek, Skim Geran Program Pemindahan Ilmu - KTP dirangka untuk mengalakkan pemindahan ilmu yang telah dijana di IPTA kepada sasaran komuniti & industri untuk tujuan memperluaskan dan memperkukuhkan ilmu masyarakat awam yang dapat diterjemahkan seperti di bawah:

- KTP mampu mendokong pelbagai aktiviti untuk menyokong kerjasama yang saling menguntungkan di antara universiti dan industri (termasuklah agensi kerajaan/agensi bukan kerajaan/sektor awam).
- KTP mampu menyediakan pelantar untuk pertukaran harta intelek *tangible* dan *intangible*, kepakaran, pembelajaran dan kemahiran antara akademia dan industri.
- KTP mampu merangkumi bentuk-bentuk interaksi termasuk kajian bersama, perundingan, pendidikan, latihan, pembangunan siswazah, persidangan, berkongsi kemudahan fizikal dan penempatan pelajar.
- IPTA harus terlibat dengan industri terhadap inisiatif yang saling bermanfaat:
 - **Akademia:** mampu menggabungkan ilmu terbaru daripada industri dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan.
 - **Industri:** dapat memanfaatkan sumber daya IPTA untuk meningkatkan kemampuan perniagaan dan manfaat ekonomi mereka.
 - **Graduate Intern:** meningkatkan pembangunan peribadi dan profesional pelajar dan graduan.

1.2 DEFINISI SKIM GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) - INDUSTRI

KTP boleh dirujuk kepada premis *Model Baru Ekonomi (MBE)* Malaysia yang antara lain merujuk kepada pentingnya pengetahuan dalam ekonomi pendapatan tinggi. KTP dengan itu boleh menjadi salah satu instrumen pencapaian ini dalam jangka masa panjang.

1.3 TUJUAN SKIM GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) - INDUSTRI

Tujuan skim geran ini adalah bagaimana IPTA Malaysia dapat membantu dalam menyampaikan dan memindahkan ilmu yang dijana di IPTA masing-masing untuk industri. Pengetahuan yang akan dipindahkan harus didasarkan pada asas tertentu yang harus ditentukan.

1.4 BIDANG TUMPUAN UTAMA (KEY RESULT AREA) SKIM GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) - INDUSTRI

Pembiayaan geran Program Pemindahan Ilmu (Industri) meliputi bidang-bidang tumpuan utama yang dapat menyokong aspirasi negara yang telah dikenalpasti seperti berikut:

- Pendidikan - meningkatkan tahap pendidikan di daerah-daerah tertentu atau;
- Keuntungan ekonomi untuk sektor industri di sektor dikenalpasti atau;
- Kelestarian dan Inisiatif Teknologi Hijau atau;
- Kumpulan Kelainan Mampu atau Upaya (OKU) atau;
- Pembangunan kurikulum Industri yang relevan (Untuk sektor impak tinggi)

1.5 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN SKIM GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) - INDUSTRI

Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik IPTA dengan syarat-syarat berikut:

- Warganegara Malaysia; dan
- Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah); atau
- Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai ahli bersama bertaraf tetap.
- Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai ahli bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap.
- Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Program bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukan. Bagi Ketua Program sedia ada, permohonan baru akan dipertimbangkan sekiranya pelaksanaan projek terdahulu telah mencapai 70% setelah disah dan diperakukan oleh pihak IPTA.
- Ketua Program boleh memasukkan ahli bersama daripada IPTA lain, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti.
- Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu (RM 200,000.00).
- Setiap projek yang dipohon perlulah memasukkan sekurang-kurangnya satu rakan perkongsian daripada industri.*(*rujuk kepada Glosari untuk definisi)
- Syarikat dan anak syarikat dalaman IPTA bagi Ketua Program dan ahli bersama yang memohon tidak dibenarkan menjadi rakan industri.

- Setiap projek yang dipohon perlulah memasukkan Graduate Intern* bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan. (*rujuk kepada Glosari untuk definisi)
- Kos kepada program ini akan ditanggung oleh geran KTP dan industri dalam nisbah 70% (geran): 30% (industri).
- Tempoh program mestilah tidak melebihi 2 tahun. Tempoh minimum ialah 1 tahun.
- Program-program berbentuk “one off” tidak akan dipertimbangkan.
- Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Program. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan program.
- Ketua Program yang berpindah IPTA hendaklah melepaskan kedudukan sebagai Ketua Program. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan program berkenaan.

1.6 PERATURAN PERMOHONAN SKIM GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) - INDUSTRI

- Permohonan untuk Skim geran KTP (Industri) perlu menggunakan **Borang KTP INDUSTRI** (Versi 2.0 Oktober 2012) yang terkini dari Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Permohonan untuk Skim Geran KTP dibuka kepada projek KTP yang menepati bidang tumpuan utama (perenggan 1.4) dan syarat (perenggan 1.5).
- Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperakukan oleh Timbalan Naib Canselor yang bertanggungjawab di IPTA masing-masing. Laporan penilaian hendaklah dikemukakan kepada pihak Urus Setia KTP bersama-sama borang permohonan tersebut. Hanya permohonan yang disokong oleh pihak IPTA sahaja yang perlu dihantar ke KPT.
- Semua projek hendaklah dibiayai oleh geran KTP dan sumber dari industri, dan Ketua Program mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

1.7 KRITERIA PENILAIAN PERMOHONAN SKIM GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) - INDUSTRI

Program yang dipohon mestilah merupakan program yang dapat menghasilkan pemindahan ilmu yang memberi impak kepada industri dan kumpulan sasaran projek tersebut.

Program tersebut perlulah mempunyai salah satu atau lebih daripada perkara berikut:

Menerusi -

- Melaksanakan projek-projek dengan industri secara berterusan dan mempunyai hasil yang boleh diukur, dan

- Peningkatan kapasiti industri penerima atau kumpulan sasaran,
- Kerjasama strategik,
- Proses perpindahan ilmu dua hala.

Keutamaan akan diberikan kepada program yang mempunyai potensi untuk berjaya dengan komitmen daripada industri, ahli akademik dan IPTA.

1.8 PERATURAN KEWANGAN SKIM GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) - INDUSTRI

- Vot 11000
Upah dan Elaun untuk GI (Graduate Intern)
Upah dan elaun untuk membiayai GI sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2000 sebulan.
- Vot 21000
Perjalanan dan Pengangkutan
Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek. Perjalanan dan pengangkutan bagi tujuan menghadiri persidangan dan yang berkaitan atau pengkomersilan dalam negara dan luar negara adalah tidak dibenarkan.
- Vot 23000
Perhubungan dan Utiliti
Pembiayaan telefon, fax, pos biasa, mel udara, mel berdaftar dan ekspress tidak termasuk pos bungkusan.
- Vot 24000
Sewaan
Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan program sahaja.
- Vot 27000
Bekalan dan Bahan Program
Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan program sahaja dibenarkan.
- Vot 29000
Perkhidmatan Ikhtisas
Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek. Pembayaran yuran persidangan dan yang berkaitan serta penerbitan adalah tidak dibenarkan.

- Vot 35000

Aksesori dan Peralatan & Perisian

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori untuk projek yang berkaitan sahaja dibenarkan. Sila beri senarai dan justifikasi alat yang dipohon. Keutamaan akan diberi kepada permohonan yang menunjukkan komitmen bahagian ini dipenuhi oleh industri.

1.9 HASIL PROGRAM PEMINDAHAN ILMU - KTP (INDUSTRI)

Sasaran program:

Setiap program perlu menetapkan sasaran yang relevan kepada objektif dan juga tujuan program KTP untuk pengukuran keberhasilan program seperti berikut:

1.9.1 Hasil Pemindahan Ilmu

Geran KTP ini perlulah menyenaraikan hasil kepada perkara-perkara berikut berdasarkan kepada sasaran yang ditetapkan:

- Hasil kepada syarikat atau industri (contoh : pertambahan perolehan syarikat atau keuntungan).
- Pulangan kepada IPTA (Pengiktirafan kepada ahli akademik)
- Pembangunan Modal Insan kepada Graduate Intern (kebolehpasaran Graduate Intern).
- Jenis ilmu yang telah dipindahkan.
- Hasil "*Intangible*"

1.9.2 Penerbitan

Semua program mestilah menghasilkan penerbitan dalam bentuk laporan teknikal. Penghargaan kepada geran KTP mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap laporan yang diterbitkan.

1.9.3 Hak Harta Intelekt

Harta Intelekt hasil geran KTP menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia, industri dan IPTA tertakluk kepada persetujuan bersama menerusi:

- Pengurusan Harta Intelekt adalah menjadi tanggungjawab IPTA.
- Hasil pengkomersilan dari projek program yang dibiayai oleh geran KTP dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.
- Untuk IPTA, hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada.

1.10 PENGUMUMAN TARIKH BUKA DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN SKIM GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) - INDUSTRI

- Tarikh Buka dan Tutup Permohonan
- Pihak KPT akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan Skim Geran KTP melalui surat rasmi kepada IPTA.

BAHAGIAN 2

Penilaian

2.1 PENILAIAN PERMOHONAN SKIM GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) - INDUSTRI

- Permohonan Skim Geran KTP akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang tumpuan utama yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- Pengerusi-pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakukan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Induk Skim Geran KTP untuk diluluskan.
- Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan KPT, Kementerian Pengajian Tinggi.

BAHAGIAN 3

Pemantauan

3.1 IMPLEMENTASI PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) - INDUSTRI

Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Geran KTP perlu dipantau dari aspek:-

- Prestasi projek; dan
- Prestasi kewangan.

3.2 PENGAWALAN KTP (INDUSTRI)

- Setiap IPTA perlu mengisi dan menghantar kepada Urus Setia KTP, KPT laporan prestasi dan kewangan projek program KTP menggunakan **Borang Laporan Kemajuan Berkala KTP** setiap **3 bulan** oleh Ketua Program setelah disahkan oleh Timbalan Naib Canselor yang bertanggungjawab.
- Setiap Laporan **6 bulan** mesti disertai laporan daripada pihak industri/komuniti dengan menggunakan **Borang Maklumbalas Industri/Komuniti**.
- Laporan akhir program perlu dihantar dalam tempoh 3 bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan **Borang Laporan Akhir KTP** kepada Urus Setia KTP, KPT.

BAHAGIAN 4

Keputusan

4.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN SKIM GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) - INDUSTRI

- Surat kelulusan Projek akan disampaikan kepada Naib Canselor IPTA dan sesaliran surat kelulusan akan dimajukan kepada Ketua Program.
- Pembayaran akan dibuat oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kepada IPTA setelah surat kelulusan KTP dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan oleh KPT.
- Pusat Tanggungjawab KTP di IPTA masing-masing dibenarkan mengambil 2.5% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tujuan pengurusan geran yang merangkumi kos operasi, pemantauan dan kos lain-lain yang berkaitan. Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya Pusat Tanggungjawab KTP di IPTA memutuskan untuk tidak mengambil 2.5% tersebut.

BAHAGIAN 5

Lain-lain

5.1 KETUA PROGRAM BERHENTI BERTUGAS DI IPTA/BERPINDAH IPTA

Geran KTP diluluskan dan diperakukan untuk sesebuah IPTA. Jika berlaku seperti di atas, geran tersebut masih di bawah kawal selia IPTA yang diperakukan. Dengan itu, keputusan terhadap IPTA tersebut akan digunapakai.

GLOSARI

Definisi Graduate Intern*

Graduate Intern boleh didefinisikan sebagai:

1. Warga negara Malaysia
dan,
2. Telah berijazah dengan Sarjana Muda atau pelajar berdaftar sepenuh masa IPTA di peringkat pasca siswazah.
dan,
3. Belum menghadapi tindakan disiplin atau proses oleh IPTA atau mahkamah di Malaysia atau negara-negara lain.

Definisi Industri*

1. Sumber manusia atau entiti (syarikat umpamanya) yang terlibat dalam enterpris perniagaan;
atau,
2. Sebarang bentuk aktiviti berorientasikan ekonomi yang menghasilkan produk atau perkhidmatan;
atau,
3. Sebarang bentuk aktiviti seperti di atas yang boleh dikenalpasti sebagai sebahagian daripada 'supply chain' atau rangkaian penawaran produk atau perkhidmatan;
atau,
4. Sektor organisasi yang terlibat dalam enterpris perniagaan untuk sesuatu produk atau perkhidmatan seperti persatuan peniaga atau dewan perniagaan.

SEBARANG PERTANYAAN/MAKLUMAT TAMBAHAN BOLEH DIAJUKAN KEPADA:



KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME

Pengerusi KTP: **PROFESOR DATO' OMAR OSMAN**

Pengerusi Projek Agenda Kritikal 'Program Pemindahan Ilmu'
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Selaku

Naib Canselor

Universiti Sains Malaysia

atau

URUSETIA PROGRAM PEMINDAHAN ILMU - KTP

Suite 125, Kompleks EUREKA

USAINS Holding Sdn. Bhd.

Universiti Sains Malaysia

11800 Pulau Pinang

Tel: 04-657 8870

Fax: 04-657 5444

b.p

**JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**



JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
MALAYSIA

**PERMOHONAN SKIM GERAN
PROGRAM PEMINDAHAN ILMU**
(Knowledge Transfer Programme) - KTP

- KOMUNITI -

**GARIS PANDUAN
2013**

**JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

SILA RUJUK LAMPIRAN UNTUK MAKLUMAT URUSSETIA

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)	3
BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)	8
BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN)	9
BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN)	10
BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)	11
GLOSARI	12

BAHAGIAN 1

Permohonan

1.1 FALSAFAH SKIM GERAN PROGRAM PERPINDAHAN ILMU (KTP) - KOMUNITI

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) merupakan dokumen yang menterjemahkan hala tuju pengajian tinggi negara yang memberi penekanan kepada pembangunan modal insan dan intelek berkualiti bagi mendukung dan menjayakan aspirasi negara untuk menjadi makmur dan kompetitif.

Oleh yang demikian, bagi menjana pembangunan modal insan dan intelek, Skim Geran Program Pemindahan Ilmu - KTP dirangka untuk mengalakkan pemindahan ilmu yang telah dijana di IPTA kepada sasaran komuniti & industri untuk tujuan memperluaskan dan memperkukuhkan ilmu masyarakat awam yang dapat diterjemahkan seperti di bawah:

- KTP mampu mendokong pelbagai aktiviti untuk menyokong kerjasama yang saling menguntungkan di antara universiti dan komuniti (termasuklah agensi kerajaan/agensi bukan kerajaan/sektor awam).
- KTP mampu menyediakan pelantar untuk pertukaran harta intelek *tangible* dan *intangible*, kepakaran, pembelajaran dan kemahiran antara akademia dan sasaran komuniti.
- KTP mampu merangkumi bentuk-bentuk interaksi termasuk kajian bersama, perundingan, pendidikan, latihan, pembangunan siswazah, persidangan, berkongsi kemudahan fizikal dan penempatan pelajar.
- IPTA harus terlibat dengan komuniti terhadap inisiatif yang saling bermanfaat:
 - **Akademia:** mampu menggabungkan ilmu yang dicapai daripada komuniti dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan.
 - **Komuniti:** dapat dimanfaatkan daripada ilmu yang telah dijana di IPTA untuk meningkatkan kualiti hidup bagi sesuatu komuniti.
 - **Graduate Intern:** meningkatkan pembangunan peribadi dan profesional pelajar dan graduan.

1.2 DEFINISI SKIM GERAN PROGRAM PERPINDAHAN ILMU (KTP) - KOMUNITI

KTP boleh dirujuk kepada premis *Model Baru Ekonomi (MBE)* Malaysia yang antara lain merujuk kepada pentingnya pengetahuan dalam ekonomi pendapatan tinggi. KTP dengan itu boleh menjadi salah satu instrumen pencapaian ini dalam jangkamasa panjang.

1.3 TUJUAN SKIM GERAN PROGRAM PERPINDAHAN ILMU (KTP) – KOMUNITI

Tujuan skim geran ini adalah bagaimana IPTA Malaysia dapat membantu dalam menyampaikan dan memindahkan ilmu yang dijana di IPTA masing-masing untuk sasaran komuniti.

Pengetahuan yang akan dipindahkan harus didasarkan pada asas tertentu yang harus ditentukan. Projek-projek berdasarkan geran ini adalah untuk tujuan meningkatkan kesejahteraan komuniti.

Projek-projek juga boleh menasaskan institusi-institusi awam seperti sekolah, pusat-pusat latihan dan institusi tertuari terutama institusi awam. Projek juga boleh disasarkan kepada pertubuhan–pertubuhan sukarelawan yang berfokus kepada pembangunan komuniti.

Keseluruhan bajet projek boleh diasaskan daripada permohonan geran ini. Walaubagaimanapun jika komuniti boleh menunjukkan komitmen kepada kos projek dalam bentuk komitmen kewangan dan bukan kewangan, pertimbangan khas boleh dijadikan kriteria pemilihan geran.

1.4 BIDANG TUMPUAN UTAMA (KEY RESULT AREA) SKIM GERAN PROGRAM PERPINDAHAN ILMU (KTP) – KOMUNITI

Pembiayaan geran Program Pemindahan Ilmu (Komuniti) meliputi bidang-bidang tumpuan utama yang dapat menyokong aspirasi negara yang telah dikenalpasti seperti berikut:

- Pendidikan - meningkatkan tahap pendidikan di daerah-daerah tertentu atau;
- Keuntungan ekonomi untuk sektor komuniti di sektor dikenalpasti atau;
- Kelestarian dan Inisiatif Teknologi Hijau atau;
- Kumpulan Kelainan Mampu atau Upaya (OKU) atau;
- Pembangunan kurikulum Komuniti yang relevan (Untuk sektor impak tinggi)

1.5 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN SKIM GERAN PROGRAM PERPINDAHAN ILMU (KTP) - KOMUNITI

Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik IPTA dengan syarat-syarat berikut:

- Warganegara Malaysia; dan
- Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah); atau
- Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai ahli bersama bertaraf tetap.
- Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai ahli bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap.
- Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Program bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukan. Bagi Ketua Program sedia ada, permohonan baru akan dipertimbangkan sekiranya pelaksanaan projek terdahulu telah mencapai 70% setelah disah dan diperakukan oleh pihak IPTA.
- Ketua Program boleh memasukkan ahli bersama daripada IPTA lain, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti.

- Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan (RM 200,000.00).
- Setiap projek yang dipohon perlulah memasukkan sekurang-kurangnya satu perkongsian kerjasama bersama sasaran komuniti*. (*rujuk kepada Glosari untuk definisi)
- Setiap projek yang dipohon perlulah memasukkan Graduate Intern* bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan. (*rujuk kepada Glosari untuk definisi)
- Tempoh program mestilah tidak melebihi 2 tahun. Tempoh minimum ialah 1 tahun.
- Program-program berbentuk “one off” tidak akan dipertimbangkan.
- Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Program. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan program.
- Ketua Program yang berpindah IPTA hendaklah melepaskan kedudukan sebagai Ketua Program. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan program berkenaan.

1.6 PERATURAN PERMOHONAN SKIM GERAN PROGRAM PERPINDAHAN ILMU (KTP) - KOMUNITI

- Permohonan untuk Skim geran KTP (Komuniti) perlu menggunakan **Borang KTP KOMUNITI** (Versi 2.0 Oktober 2012) yang terkini dari Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Permohonan untuk Skim Geran KTP dibuka kepada projek KTP yang menepati bidang tumpuan utama (perenggan 1.4) dan syarat (perenggan 1.5).
- Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperakukan oleh Timbalan Naib Canselor yang bertanggungjawab di IPTA masing-masing. Laporan penilaian hendaklah dikemukakan kepada pihak Urus Setia KTP bersama-sama borang permohonan tersebut. Hanya permohonan yang disokong oleh pihak IPTA sahaja yang perlu dihantar ke KPT.
- Semua projek hendaklah dibiayai oleh geran KTP dan Ketua Program mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

1.7 KRITERIA PENILAIAN PERMOHONAN SKIM GERAN PROGRAM PERPINDAHAN ILMU (KTP) – KOMUNITI

Program yang dipohon mestilah merupakan program yang dapat menghasilkan perpindahan ilmu yang memberi impak kepada komuniti dan kumpulan sasaran projek tersebut.

Program tersebut perlulah mempunyai salah satu atau lebih daripada perkara berikut:

Menerusi -

- Melaksanakan projek-projek dengan komuniti secara berterusan dan mempunyai hasil yang boleh diukur, dan
- Peningkatan kualiti hidup komuniti penerima atau kumpulan sasaran,
- Kerjasama strategik,
- Proses perpindahan ilmu dua hala.

Keutamaan akan diberikan kepada program yang mempunyai potensi untuk berjaya dengan komitmen daripada komuniti, ahli akademik dan IPTA.

1.8 PERATURAN KEWANGAN PERMOHONAN SKIM GERAN PROGRAM PERPINDAHAN ILMU (KTP) - KOMUNITI

- Vot 11000
Upah dan Elaun untuk GI (Graduate Intern)
Upah dan elaun untuk membiayai GI sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2000 sebulan.
- Vot 21000
Perjalanan dan Pengangkutan
Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek. Perjalanan dan pengangkutan bagi tujuan menghadiri persidangan dan yang berkaitan atau pengkomersilan dalam negara dan luar negara adalah tidak dibenarkan.
- Vot 23000
Perhubungan dan Utiliti
Pembayaran telefon, fax, pos biasa, mel udara, mel berdaftar dan ekspres tidak termasuk pos bungkusan.
- Vot 24000
Sewaan
Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan program sahaja.
- Vot 27000
Bekalan dan Bahan Program
Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan program sahaja dibenarkan.
- Vot 29000
Perkhidmatan Ikhtisas
Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek. Pembayaran yuran persidangan dan yang berkaitan serta penerbitan adalah tidak dibenarkan.

- Vot 35000

Aksesori dan Peralatan & Perisian

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori untuk projek yang berkaitan sahaja dibenarkan. Sila beri senarai dan justifikasi alat yang dipohon. Keutamaan akan diberi kepada permohonan yang menunjukkan komitmen bahagian ini dipenuhi oleh komuniti.

1.9 HASIL PROGRAM PEMINDAHAN ILMU - KTP (KOMUNITI)

Sasaran program:

Setiap program perlu menetapkan sasaran yang relevan kepada objektif dan juga tujuan program KTP untuk pengukuran keberhasilan program seperti berikut:

1.9.1 Hasil Perpindahan Ilmu

Geran KTP ini perlulah menyenaraikan hasil kepada perkara-perkara berikut berdasarkan kepada sasaran yang ditetapkan:

- Hasil kepada masyarakat atau komuniti (contoh : peningkatan kualiti hidup sasaran komuniti).
- Pulangan kepada IPTA (Pengiktirafan kepada ahli akademik)
- Pembangunan Modal Insan kepada Graduate Intern (kebolehpasaran Graduate Intern).
- Jenis ilmu yang telah dipindahkan.
- Hasil "*Intangible*"

1.9.2 Penerbitan

Semua program mestilah menghasilkan penerbitan dalam bentuk laporan teknikal. Penghargaan kepada geran KTP mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap laporan yang diterbitkan.

1.9.3 Hak Harta Intelek

Harta Intelek hasil geran KTP menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia, komuniti dan IPTA tertakluk kepada persetujuan bersama menerusi:

- Pengurusan Harta Intelek adalah menjadi tanggungjawab IPTA.
- Hasil pengkomersilan dari projek program yang dibiayai oleh geran KTP dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.

- Untuk IPTA, hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada.

1.10 PENGUMUMAN TARIKH BUKA DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN SKIM GERAN PROGRAM PERPINDAHAN ILMU (KTP) – KOMUNITI

Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

Pihak KPT akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan Skim Geran KTP melalui surat rasmi kepada IPTA.

BAHAGIAN 2

Penilaian

2.1 PENILAIAN PERMOHONAN SKIM GERAN PROGRAM PERPINDAHAN ILMU (KTP) - KOMUNITI

- Permohonan Skim Geran KTP akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang tumpuan utama yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- Pengerusi-pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakukan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Induk Skim Geran KTP untuk diluluskan.
- Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan KPT, Kementerian Pengajian Tinggi.

BAHAGIAN 3

Pemantauan

3.1 IMPLEMENTASI PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) - KOMUNITI

Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Geran KTP perlu dipantau dari aspek:-

- Prestasi projek; dan
- Prestasi kewangan.

3.2 PENGAWALAN KTP (KOMUNITI)

- Setiap IPTA perlu mengisi dan menghantar kepada Urus Setia KTP, KPT laporan prestasi dan kewangan projek program KTP menggunakan Borang Laporan Kemajuan Berkala KTP setiap 3 bulan oleh Ketua Program setelah disahkan oleh Timbalan Naib Canselor yang bertanggungjawab.
- Setiap Laporan 6 bulan mesti disertai laporan daripada pihak industri/komuniti dengan menggunakan Borang Maklumbalas Industri/Komuniti.
- Laporan akhir program perlu dihantar dalam tempoh 3 bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan Borang Laporan Akhir KTP kepada Urus Setia KTP, KPT.

BAHAGIAN 4

Keputusan

4.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN SKIM GERAN PROGRAM PERPINDAHAN ILMU (KTP) - KOMUNITI

- Surat kelulusan Projek akan disampaikan kepada Naib Canselor IPTA dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Ketua Program.
- Pembayaran akan dibuat oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kepada IPTA setelah surat kelulusan KTP dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan oleh KPT.
- Pusat Tanggungjawab KTP di IPTA masing-masing dibenarkan mengambil 2.5% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tujuan pengurusan geran yang merangkumi kos operasi, pemantauan dan kos lain-lain yang berkaitan. Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya Pusat Tanggungjawab KTP di IPTA memutuskan untuk tidak mengambil 2.5% tersebut.

BAHAGIAN 5

Lain-lain

5.1 KETUA PROGRAM BERHENTI BERTUGAS DI IPTA/BERPINDAH IPTA

Geran KTP diluluskan dan diperakukan untuk sesebuah IPTA. Jika berlaku seperti di atas, geran tersebut masih di bawah kawal selia IPTA yang diperakukan. Dengan itu, keputusan terhadap IPTA tersebut akan digunapakai.

GLOSARI

Definisi Graduate Intern*

Graduate Intern boleh didefinisikan sebagai:

1. Warga negara Malaysia

dan,

2. Telah berijazah dengan Sarjana Muda atau pelajar berdaftar sepenuh masa IPTA di peringkat pasca siswazah.

dan,

3. Belum menghadapi tindakan disiplin atau proses oleh IPTA atau mahkamah di Malaysia atau negara-negara lain.

Definisi Komuniti*

Komuniti adalah sekumpulan manusia yang berinteraksi bersama-sama di dalam sesuatu kelompok masyarakat dan boleh diterjemahkan melalui;

1. Organisasi, entiti, persatuan atau pertubuhan yang bergerak untuk kepentingan bersama;

atau,

2. Institusi yang ditubuhkan untuk mencapai matlamat sosial seperti institusi pendidikan, sekolah, pra-sekolah dan institusi-institusi latihan;

atau,

3. Jaringan perhubungan antara pelbagai kelompok dan individu;

atau,

4. Individu atau sekumpulan individu yang bergerak secara sukarela untuk memberikan khidmat kepada masyarakat termasuk sanggup menolong antara satu sama lain, dengan berasas kepada nilai-nilai murni seperti kenegaraan, kesusilaan, pembinaan negara bangsa, hak asasi dan etika.

SEBARANG PERTANYAAN/MAKLUMAT TAMBAHAN BOLEH DIAJUKAN KEPADA:



KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME

Pengerusi KTP: **PROFESOR DATO' OMAR OSMAN**
Pengerusi Projek Agenda Kritikal 'Program Pemindahan Ilmu'
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Selaku
Naib Canselor
Universiti Sains Malaysia

atau

URUSETIA PROGRAM PEMINDAHAN ILMU - KTP

Suite 125, Kompleks EUREKA
USAINS Holding Sdn. Bhd.
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang

Tel: 04-657 8870
Fax: 04-657 5444

b.p

**JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**